

## BILANGAN 11 PEMENGALAN



Satu operasi besar-besaran akan dijalankan untuk memusnahkan tapak-tapak pembiakan nyamuk di empat estet HDB yang menghadapi masalah demam denggi.

Operasi di Estet Ang Mo Kio, Yishun, Marsiling dan Hougang itu akan diluaskan ke estet-estet lain.

Tidak terdapat kesilapan dalam kenyataan di sebelah kiri anda. Cuma silapnya ialah cara memenggal kata. Perhatikan baris keempat berita tersebut, perkataan 'nyamuk' dipenggal menjadi dua bahagian iaitu ny (akhir baris keempat) dan amuk (awal baris kelima).

Begitu juga dalam perenggan kedua. Kita mendapati kata nama khas Marsiling dipenggal menjadi Marsil (akhir baris kedua) dan ing (awal baris ketiga).

Sepatutnya, pemenggalan bagi nyamuk dan Marsiling hendaklah berdasarkan suku katanya. Bagi nyamuk hendaklah dipenggal agar menjadi nya dan muk. Sementara Marsiling pula boleh dipenggal dengan Mar, si dan ling.